Bersalam dengan Timbalan PM

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam (tengah), baru sahaja melepaskan tangannya dari salah seorang perwakilan MIC (kiri) sambil salah seorang yang lain (kanan) tidak sabar-sabar menghulurkan tangan untuk bersalam dengan pemimpin negara itu.

Presiden MIC, Datuk Samy Vellu (belakang kiri) turut mengiringi Datuk Musa ketika beliau sampai ke Dewan Sivik, Petaling Jaya, semalam untuk merasmikan Perhimpunan Agung Luar Biasa MIC.

Seramai 800 perwakilan dari seluruh negara menghadiri perhimpunan itu.

— Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia